

04 SEP 2000

Fong-Gaji

PETANDA POSITIF BAGI GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

PETALING JAYA, 4 Sept (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini memberi gambaran positif mengenai penyelesaian isu gaji bulanan pekerja ladang yang berlarutan selama 50 tahun serta membabitkan masa depan lebih 200,000 pekerja di seluruh negara.

Fong berkata laporan awal berkaitan satu kajian mengenai sistem gaji sektor ladang yang dimulakan Mac lepas telah siap dan kini kesemua pihak yang berkaitan sedang dalam proses membincangkan laporan itu yang dijangka mengambil masa dua hingga tiga minggu.

"Dan selepas itu, saya yakin boleh dapat satu konsensus berkaitan sistem gaji yang terbaik untuk sektor ladang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar sehari "Perkeso dan Kesihatan serta Keselamatan Pekerja di Ladang" anjuran bersama Perkeso dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) di Rumah Peladang, di sini.

Fong berkata apabila selesai perbincangan semua pihak yang terlibat -- Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) bagi pihak majikan, NUPW bagi pihak pekerja dan kementerian sendiri -- laporan mengenainya akan dikemukakan kepada Kabinet.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan perhimpunan agung ke-54 MIC pada Mei berkata kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan pekerja ladang dan yang perlu ditentukan ialah kadarnya.

Fong berkata kementerian dijangka mengumumkan keputusan berkaitan kajian sistem gaji bulanan sektor ladang sebelum hujung tahun ini.

Fong turut ditanya mengenai kuantum yang sedang ditimbangkan bagi gaji bulanan bagi pelbagai sektor ladang itu.

"Saya tidak mempunyai kedudukan untuk membincangkannya sekarang. Kita akan serahkan kepada mereka, para majikan, pekerja dan kementerian untuk membincangkannya dan membuat keputusan. Kajian dan laporan itu adalah berkecuali dan bebas... jadi saya yakin semua pihak akan menghormati cadangan berkenaan," katanya.

Kajian itu dijalankan oleh pasukan khas dari Fakulti Ekonomi Universiti Malaya selepas Kabinet mengarahkan Kementerian Sumber Manusia menyediakan laporan mengenai gaji bulanan bagi pekerja ladang.

Ketika ditanya mengenai kuantum yang disediakan oleh MAPA dan NUPW, Fong berkata : "Saya yakin mereka telah capai persetujuan (ia) perlu adil kepada pekerja namun tidak menjejaskan daya saing industri," katanya.

Fong juga berkata bahawa adalah perlu untuk mengurangkan kes kemalangan di tempat kerja di ladang-ladang, terutamanya berhubung pengendalian pelbagai bahan kimia.

"Kami mahu menggalakkan majikan mematuhi undang-undang sedia ada dan juga mahu mereka menetapkan prosedur kerja yang turut menimbangkan pelbagai bahaya yang dihadapi pekerja," katanya.

Dalam ucapannya Fong berkata kemalangan yang dilaporkan dalam sektor pertanian termasuk perladangan masih tinggi iaitu 12,753 kes atau 14 peratus daripada 92,704 kemalangan yang dilaporkan oleh pelbagai sektor di seluruh negara pada 1999.

"Ini menunjukkan satu peningkatan sungguhpun pada kadar 0.6 peratus sahaja berbanding 12,678 kemalangan pada tahun 1998.

Fong berkata sebanyak 5,577 kes kemalangan termasuk kecederaan ringan dan kematian dilaporkan di sektor pertanian dalam enam bulan pertama tahun ini.

Katanya Pertubuhan Keselamatan Sosial telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi menjalankan program-program memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu sebanyak RM120,000 pada 1995 dan meningkat kepada RM885,000 pada 1999.

Lebih 500 pekerja ladang dari seluruh negara menghadiri seminar itu yang bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap faedah-faedah Perkeso kepada pekerja yang ditimpa malang.

-- BERNAMA

RV AHH RHM